

CNS0235

R GB 26-07 00160 BA835

aab

Mahathir - Ternakan

SEGI TIGA INDONESIA-MALAYSIA-THAILAND RANCANG BANGUNKAN SEKTOR TERNAKAN

KUALA LUMPUR, 26 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia, Indonesia dan Thailand merancang untuk memajukan sektor ternakan secara perdagangan di kawasan segi tiga pertumbuhan ketiga-tiga negara (IMT-GT).

Beliau berkata bagi menjayakan projek usahasama itu Malaysia boleh menyediakan kepakaran teknologi manakala Thailand dan Indonesia menyediakan kawasan tanah dan tenaga buruh yang murah.

Ketika berucap melancarkan Perayaan Seabad Perkhidmatan Veterinar dan Industri Haiwan Malaysia di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini, beliau berkata ternakan binatang selain daripada ayam dan khinzir, boleh dijadikan industri bercorak perdagangan di negara ini.

Beliau berkata dengan menggunakan teknologi baru, negara ini boleh mengeluarkan ternakan seperti rusa, itik serta kombinasi ayam dan puyuh secara perdagangan.

"Ternakan secara sambilan dan kecil-kecilan sudah tidak sesuai lagi dan tidak akan dapat menjamin bekalan bagi rakyat yang kian bertambah," katanya.

-- Lagi.

▼26/07/15-59MST

R GB 26-07 00151 BA836.

aab

Mahathir - Ternakan 2 Kuala Lumpur

Beliau berkata penternak yang mengamalkan cara lama pasti akan ketinggalan dan mereka tidak akan dapat bersaing dalam pasaran terbuka.

Perjanjian Am mengenai Perdagangan dan Takrif (GATT) yang Malaysia meterai akan membawa implikasi besar kepada penternak manakala sempadan negara bukan lagi boleh dijadikan benteng untuk melindungi industri yang tidak mempunyai kecekapan, katanya.

"Daya saing merupakan senjata yang paling sesuai dalam pasaran yang lebih terbuka. Ini juga bermakna penternak perlu berani menerima teknologi baru dan membuat pelaburan yang lebih besar," kata Dr Mahathir.

Beliau berkata nilai pengeluaran hasil ternakan di negara ini pada tahun lepas melebihi RM3,000 juta dan nilai eksportnya pula melebihi RM500 juta.

Perdana Menteri berkata mereka yang terlibat dalam pendidikan dan khususnya dalam bidang perubatan veterinar dan sains penternakan pula hendaklah mendahului perkembangan dan bukan sekadar menjadi pengikut kemajuan. -- Lagi

▼26/07/16-00MST

CNS0244

R GB 26-07 00147 BA837

aab

Mahathir - Ternakan 3 Kuala Lumpur

Dr Mahathir mengulangi kenyataannya bahawa untuk mencapai cita-cita menjadi negara maju, Malaysia perlu menjadi pengeluar dan pencipta teknologi.

"Kita tidak boleh terus-menerus kekal sebagai penquna teknologi orang lain sahaja. Sainstis kita perlulah lebih agresif dalam penyelidikan mereka. Kita perlu berani menerokai bidang-bidang baru dengan pendekatan yang lebih saintifik dan lojik," katanya.

Beliau berkata andaian-andaian lama yang digunakan oleh rakyat negara ini selama ini perlu dirombak dan dilihat dari sudut yang lain pula.

"Daya saing kita, daya tahan kita dan kedudukan kita di dunia sejaqat terletak kepada kemampuan kita berfikir dengan lebih kreatif," katanya.

Ketika bercakap kepada pemberita kemudian, Dr Mahathir berkata banyak orang yang berminat untuk menceburi bidang hartanah atau menjadi broker saham daripada mengambil peluang dalam bidang lain seperti ternakan secara perdagangan, di negara ini. -- Laqi.

▼26/07/16-04MST

CNS0278

R GB 26-07 00144 BA840

aab

Mahathir - Ternakan 4 Kuala Lumpur

"Dulu kita bela ayam, lepas rayau dalam kampung, sekarang bela ayam dalam bangunan bertingkat-tingkat dan tak perlukan kawasan tanah yang luas," katanya.

Pada majlis itu, Dr Mahathir juga melancarkan logo baru Jabatan Perkhidmatan Haiwan (JPH), buku "Sejarah, Pembangunan dan Prospek Perkhidmatan Vertinari dan Industri Haiwan di Malaysia" dan setem kenang-kenangan Perayaan Seabad Perkhidmatan Haiwan.

Buku itu adalah hasil karya Ketua Pengarah JPH, Tan Sri Dr Ahmad Mustaffa Babjee.

Terdahulu, Menteri Pertanian Datuk Seri Samusi Junid semasa berucap pada majlis yang sama, berkata, Malaysia perlu menjadi syurga makanan dengan menghasilkan pengeluaran makanan yang cukup dan bermutu.

Dr Ahmad Mustaffa pula semasa berucap menceritakan perkembangan dan kejayaan JPH sejak 1988, dengan 50 tahun pertama, jabatan itu menumpukan aktiviti kepada penqubatan ternakan dan kawalan penyakit berjangkit. -- Laqi.

▼26/07/16-31MST

CNS0302

R GB 26-07 00096 BA841

aab

Mahathir - Ternakan 5 (akhir) Kuala Lumpur

Antara 1948 dan 1968, jabatan itu bergiat dalam penyelidikan veterinar dan berjaya mengeluarkan vaksin untuk kawalan penyakit ayam serta mengeksport vaksin secara perdagangan mulai 1950.

Beliau berkata dari 1968 hingga 1988, jabatan itu aktif dengan rancangan pembangunan luar bandar dan pembasmian penyakit yang boleh berjangkit kepada manusia. Selepas itu sehingga sekarang, jabatan menumpukan perhatian kepada sektor perdagangan, kualiti dan keselamatan makanan.

Kira-kira 2,000 penternak, penqusaha dan pegawai jabatan itu menqhadiri majlis pelancaran itu. -- Bernama

JM NMO